



Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang kepentingan pengangkutan awam di negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

PENGANGKUTAN AWAM DI MALAYSIA



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Dunia remaja dikatakan sebagai dunia yang penuh dengan cabaran dan dugaan.

Bincangkan pernyataan di atas.

- 2 Teknologi dan kemajuan sains berkembang dengan pesat sehingga membawa kepada perubahan yang besar dalam kehidupan masyarakat Malaysia pada hari ini. Pelbagai rancangan pembangunan telah diusahakan untuk memajukan dan memodenkan masyarakat dan negara.

Huraikan rancangan-rancangan pembangunan tersebut.

- 3 Dewasa ini, bidang muzik didapati menyediakan pelbagai kerjaya menarik yang menawarkan pendapatan yang lumayan. Selaku wartawan sebuah majalah hiburan, anda dikehendaki mewawancara seorang komposer terkenal tanah air untuk meminta pendapat beliau tentang hal tersebut.

Tuliskan wawancara itu selengkapnya.

- 4 Kerjasama ekonomi antara negara semakin berkembang dewasa ini. Sehubungan dengan itu, banyak negara membuka peluang pelaburan kepada pelabur asing.

Huraikan kepentingan pelaburan antarabangsa dalam menjanakan ekonomi sesebuah negara.

- 5 Sebagai penulis remaja yang telah meraih kejayaan dalam bidang penulisan kreatif, anda ingin menggalakkan lebih ramai remaja menceburi bidang ini.

Jelaskan keistimewaan bidang ini.

KERTAS SOALAN TAMAT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kebaikan remaja melakukan kerja sambilan dan kekangan yang dihadapi oleh mereka. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kini, banyak remaja yang melakukan kerja sambilan. Keadaan ini lebih ketara bagi remaja yang tinggal di kawasan bandar. Restoran makanan segera, kedai-kedai buku atau rangkaian kedai serbaneka menjadi pilihan remaja. Namun demikian, terdapat ibu bapa yang agak keberatan membenarkan anak mereka untuk keluar mencari kerja sambilan. Kelihatan situasinya seperti ibu bapa memanjakan anak mereka. Mungkin ibu bapa merasakan tidak terdapat keperluan untuk anak mereka keluar bekerja atau mungkin disebabkan oleh faktor keselamatan. Dorongan sosial juga agak kurang dalam hal-hal seperti ini. Persepsi masyarakat pada amnya, masih melihat bahawa remaja perlu duduk di rumah dan menumpukan perhatian pada pelajaran. Apabila tiba waktu untuk bekerja, barulah pada masa itu remaja mencari pekerjaan.

Remaja yang bekerja sambilan seharusnya pandai membahagikan masa dan memastikan mereka mempunyai waktu yang cukup untuk membuat kerja rumah di samping menghadiri kelas atau kuliah. Secara tidak langsung, mereka akan menjadi seorang yang bijak merancang masa di samping dapat menyara diri dan keluarga.

Bekerja sambilan juga mengelakkan masa lapang remaja terbuang begitu sahaja dan budaya lepak dapat dibendung. Remaja yang telah bekerja sambilan juga harus bertindak seperti orang dewasa bagi memenuhi harapan majikan dan pelanggan. Pengalaman berinteraksi dengan orang ramai melalui pekerjaan sambilan mampu mengembangkan kebolehan interpersonal bagi seseorang remaja. Mereka juga dapat mempelajari cara berinteraksi dengan orang ramai dan mengenal sikap awam. Pengalaman tersebut akan menjadikan remaja lebih matang dan membentuk keazaman kepada mereka untuk merobah kehidupan diri dan keluarga.

Di samping itu, bekerja sambilan mengajar remaja untuk lebih berdikari. Rata-rata, golongan remaja masih hidup atas ihsan ibu bapa sepenuhnya. Dengan menggalakkan remaja bekerja sambilan, mereka terdorong untuk memikul tanggungjawab terhadap diri sendiri. Hal ini bukan sahaja mematangkan mereka tetapi juga menerapkan sikap berdikari yang amat penting dalam *mengikis mentaliti subsidi* dalam diri remaja.

Dengan bekerja sambilan, remaja dapat membentuk disiplin diri dengan membahagikan masa antara pembelajaran dengan pekerjaan. Remaja juga dapat membina perwatakan diri yang lebih berkeyakinan dan berketerampilan. Selain itu, sejajar dengan budaya timur, bekerja sambilan boleh membantu memupuk nilai murni seperti sifat berbudi kepada orang tua dan sekali gus merapatkan hubungan kekeluargaan.

Bersandarkan pengalaman remaja bekerja sambilan di serata dunia, bekerja sambilan merupakan satu fenomena yang ternyata positif dan salah satu cara paling berkesan untuk membentuk modal insan yang berjaya di dunia dan akhirat.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada 'Kerja Sambilan: Mengikis Mentaliti Subsidi' oleh Ron A.R dalam *Dewan Siswa*, November 2007)

[Lihat sebelah
SULIT

Soalan 2 : Pemahaman**Soalan 2(a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengikis mentaliti subsidi*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah terdapat ibu bapa yang enggan membenarkan anak-anak mereka melakukan kerja sambilan? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah inisiatif yang dapat dilakukan oleh pihak sekolah untuk membantu murid supaya mereka tidak perlu bekerja sambilan? [4 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Subuh tadi anak itu ternyata benar terkejut dan gamam. Baru sehari, datuk Deliah, penjaganya yang tunggal, terkorban oleh ledakan bom di tepi tebing teluk yang selama ini diyakini tempat paling selamat. Semalam dia masih di tengah laut – hari ini baru dia sempat menemui Deliah. Jumari Jipan memang lebih dekat dengan Ripin. Mereka memang sama-sama sekolah, sama-sama seiring remaja, sama-sama sehari bersunat, sama-sama beransur dewasa, sama-sama seketika mengikut rombongan sarkas Filipina mengelilingi negeri, sebelum masing-masing mencari pekerjaan lain dan sama-sama juga beransur tua.

Kini masalahnya Deliah. Jumari Jipan sebenarnya tidak akan dapat melayan anak itu dalam botnya di tengah laut. Selain kerana tugasnya di bawah bilik enjin yang panas, tentera Jepun pula kini semakin ternyata seperti tidak menghiraukan apa atau siapa sasarannya – atau tidak tahu. Mereka menggugurkan bom atau memuntahkan peluru sesukanya hampir ke arah siapa saja - sama ada anak kecil atau wanita tua. Jepun mengesyaki semua bot berisi senjata dengan tenaga yang pada bila-bila masa boleh mengancam tenteranya. Pada saat begitulah terkadang-kadang apa yang disebutkan Kapten Dawson tentang kebebasan itu dirasakan semakin bererti.

(Dipetik daripada 'Di Sisi Rinda', oleh A.Samad Said dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Jelaskan hubungan antara Jumari Jipan dengan Ripin. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang wajar dilakukan untuk menyemai semangat patriotisme dalam kalangan rakyat? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **satu** persoalan dalam cerpen. [4 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah Hang Jebat mendengar kata Laksamana demikian, maka ia pun hairan, seraya berkata, “Hai orang kaya Laksamana, keranamulah maka aku berbuat pekerjaan ini! Pada bicaraku, engkau tiada dalam dunia ini lagi. Jika aku tahu akan engkau ada hidup, demi Allah dan Rasulullah, tiada aku berbuat pekerjaan ini.” Maka kata Laksamana, “Hai Si Jebat, menyesalkah engkau?” Maka kata Hang Jebat, “Hai Laksamana, sekali-kali tiada aku menyesal dan takut akan mati, tetapi aku sudah tahu akan kematianku ini pada tanganmu, di mana dapat kusalahi lagi? Tetapi tuan hamba lihatlah tikam Si Jebat derhaka ini, empat puluh hari orang Melaka membuang bangkai dalam negeri Melaka ini dan tiada menderita bau busuk bangkai. Sepalapa jahat jangan kepalang; kuperbuat sungguh-sungguh.” Maka sahut Laksamana, “Hai Si Jebat, *tersalah citamu itu!* Adapun pekerjaanmu derhaka pada tuanmu itu beberapa dosanya kepada Allah, tiada bertanggung olehmu di dalam akhirat jemah, akan sekarang engkau hendak membunuh orang yang tidak berdosa pula berpuluh-puluh ribu itu; benarkah bicaramu itu?” Maka kata Hang Jebat, “Apatah dayaku? Sekalian itu dengan kehendaknya juga; tiada dengan kuasaku perbuat itu, supaya namaku mahsyur pada segala negeri.”

(Dipetik daripada, "Pertarungan Tuah Dengan Jebat", dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *tersalah citamu itu*? [2 markah]
- (ii) Mengapakah Hang Jebat menyatakan bahawa dia tidak menyesali perbuatannya? [2 markah]
- (iii) Jika anda Laksamana, nyatakan tindakan yang akan anda lakukan untuk menghalang niat Hang Jebat daripada membunuh orang ramai yang tidak berdosa. [4 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

Soalan 2 (d) – Petikan Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

MANUSIA DAN KESEJAHTERAAN

Kelelahan kita semakin parah tenatnya
berserta kekejaman mengatasi kedamaian
titik pertemuan menjadi tentangan
tak siapa mau beralah.

Saat ini siapa lagi sanggup bersembayan
janjikan harapan semanis janji orang bercinta
setiap pembicaraan tanpa persatuan
kejujuran mati di hati.

Hari ini tak payah parau bertanya
ketuaan dunia akan tenggelam juga
dalam kebodohan manusia
yang kian bermuka dua.

Demi kelak dewasanya anakku
kau bikinlah perhitungan sendiri
untuk menjengah neraka kecintaan manusia
mencucuri bahan api neraka.

Tambah mengimbau sorotan kitab MUHAMMAD!
tambah mengimbau sorotan kitab ESA!
hanya kesejahteraan membunga api.

Salmi Manja
Utusan Zaman, 1 Januari 1961.
Antologi Anak Laut,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah maksud ungkapan *yang kian bermuka dua*? [2 markah]
- (ii) Jelaskan peranan anda dalam memelihara kesejahteraan masyarakat setempat? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **satu** ayat bagi setiap pasangan perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) menghadap - menghidap
- (ii) menarah - menaruh
- (iii) menggelegak - menggeletar

[6 markah]

- (b) Tukarkan petikan di bawah ini dalam bentuk dialog. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dan maksud asal petikan.

Cikgu memarahi Radzi dan Suhaimi kerana datang lewat ke sekolah. Suhaimi meminta maaf atas kelewatan mereka lalu memberi alasan bahawa mereka datang lewat kerana bas yang dinaiki oleh mereka telah rosak di pertengahan jalan. Radzi mengesyakan kenyataan Suhaimi. Cikgu menasihati mereka berdua agar tidak datang lambat lagi ke sekolah. Suhaimi mengangguk sambil berjanji kepada cikgu bahawa dia tidak akan mengulangi kesalahan itu lagi. Cikgu berasa simpati dan bersedia memaafkan mereka. Suhaimi dan Radzi sekali lagi meminta maaf dan meminta izin untuk ke kelas masing-masing.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan penggunaan ejaan dan **satu** penggunaan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Semua peserta yang dipanggil temuduga pada bulan lalu telah lepas ujian kelayakan.
- (ii) Semangat nasionalisma semakin luntur dalam jiwa remaja sebab mereka dipengaruhi oleh budaya barat.
- (iii) Setiap pihak perlulah beri sumbangan maksima agar projek ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

[6 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

- (d) Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata, atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.
- (i) Kami sekeluarga begitu gembira bila ayah memberitahu bahawa kami akan pergi membuat umrah ke Mekah pada hujung tahun ini.
 - (ii) Tiap pelajar haruslah bijak menyusun masa dengan menyediakan jadual aktiviti yang senang dipatuhi.
 - (iii) Semua anggota kerajaan dikehendaki menandatangani surat aku janji sebagai syarat kerana berkhidmat dalam jabatan kerajaan.
- [6 markah]
- (e) Baca ayat di bawah dengan teliti dan kemudian lengkapkan ayat tersebut dengan peribahasa yang sesuai.
- (i) Nathan yang baru kehilangan basikal terpaksa menahan kemarahannya apabila dompetnya pula dicuri orang. Nasibnya umpama _____.
 - (ii) Ibu bapa digesa menanamkan minat membaca dalam kalangan anak-anak sejak mereka kecil agar sikap suka membaca ini akan menjadi amalan hidup mereka sepanjang hayat. Peribahasa Melayu ada menyebutkan _____.
 - (iii) Sebelum mengikuti ekspedisi mendaki Gunung Tahan, Peter Lim memastikan segala kelengkapan yang diperlukan berada di dalam beg galasnya. Baginya peribahasa _____ sentiasa dijadikan pedoman.
- [6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Teknik imbasan yang berkesan dan istimewa merupakan daya penarik dalam sesebuah novel.

Berdasarkan novel yang anda kaji, huraikan peristiwa yang menggunakan teknik imbas kembali dan teknik imbas muka.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang ada telah kaji, bandingkan nilai kemasyarakatan dalam setiap novel itu.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT